

Headline **Ibu bapa perlu bersikap terbuka pendidikan seks**
Date **28 Dec 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Sentral**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **2**
Article Size **284 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **12,512**
PRValue **37,536**



Ibu bapa perlu bersikap terbuka pendidikan seks

SEREMBAN: Sikap kurang terbuka ibu bapa terhadap pendidikan seks ialah antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan kes pembabitatan remaja dalam gejala seks bebas di negara ini.

Pakar Perunding Kesihatan Lelaki, Dr Mohd Ismail Mohd Tambi, berkata ibu bapa perlu bersikap terbuka dan mendidik anak berkaitan seks supaya pemahaman mengenainya dapat mencegah mereka daripada terjebak.

Katanya, kes remaja perempuan mengandung anak luar nikah yang semakin meningkat dipercayai berpunca daripada kurangnya pendidikan seks di rumah hingga timbul masalah seperti kes pemuangan bayi.

"Mengapa ibu bapa perlu berasa malu kerana pendidikan ini penting bagi mengelakkan anak merujuk kepada pihak yang salah, termasuk laman web lucah semata-mata untuk mempelajari apa itu seks," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan ceramah bersama Pengarah Eksekutif Majlis Aids Malaysia, Bakhtiar Talhah, pada Seminar Kesihatan Lelaki dan Wanita bertema 'Rahsia Kebahagiaan di Auditorium Kolej Pembantu Perubatan di sini.

Seminar dirasmikan Timbalan Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Negeri Sembilan, Dr Zainudin Mohd Ali, itu mendapat sambutan menggalakkan daripada 200 peserta membabitkan kaki-tangan awam dan swasta.

Turut dijelaskan dalam ceramah itu adalah isu mengenai HIV/AIDS, menopause dan andropaus.

Sorang peserta, Ismail Mohtar, 39, menyifatkan program itu berkesan kerana dapat membetulkan tanggapan negatif masyarakat terhadap perubahan hormon,

terutama menopause yang dialami golongan wanita

berusia.

"Selama ini golongan suami beranggapan wanita yang mengalami menopause tidak lagi berupaya menjalinkan hubungan intim, namun penceramah menafikan tanggapan salah itu dan menerangkan keistimewaan menopause," katanya.

Norlida Abd Hamid, 30, pula berkata antara maklumat berguna kepada peserta-wanita ialah cara mengekalkan kecantikan dan awet muda supaya dapat memikat hati suami walaupun memasuki peringkat menopause.

"Penceramah turut memberi nasihat dari segi amalan pemakanan sihat seperti makan ulam dan lebih berhati-hati mengambil jamu dengan merujuk doktor bagi mengelakkan masalah yang boleh menjejaskan kesihatan ketika umur semakin meningkat," katanya.



ZAINUDDIN (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Ismail yang menyampaikan ceramah pada seminar kesihatan di Seremban.

KHURRIAH ZIDHAR MD KODRY / BERITA HARIAN